

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

# *Suhaimi: Dialek2 mustahak*

**BANGI, Rabu** — Tanpa pengetahuan mengenai dialek-dialek Melayu serta prinsip dialektologi, pengajaran Bahasa Malaysia kepada pelajar-pelajar Melayu tidak mungkin berjaya sepenuhnya.

Menegaskan demikian hari ini, Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin berkata, guru-guru Bahasa Malaysia dilengkapi dengan pengetahuan asasi mengenai tatabahasa dialek-dialek Melayu melalui kursus dialektologi seperti apa yang dijalankan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sekarang.

Berucap merasmikan 'Simposium Dialek: Penyelidikan dan Pendidikan' di Universiti Kebangsaan Malaysia di sini, beliau berkata, pengetahuan terperinci tentang struktur dialek-dialek Melayu mustahak sekali bagi guru-guru dan pensyarah-pensyarah Bahasa Malaysia.

Beliau bagaimanapun berkata, tumpuan yang diberikan terhadap masalah dialek dalam masyarakat tidak bermakna pengabalan teori dan rumusan yang lain dalam ilmu dialektologi.

"Sebaliknya, penyelesaian masalah dialek dalam pendidikan hanya dapat dicapai berdasarkan pengertian mendalam mengenai prinsip-prinsip teoretis serta kaedah pelaksanaan penyelidikan," ujarnya.

Beliau juga menyeru peserta simposium mencari jawapan kepada masalah sejauh mana pengaruh dialek tempatan menimbulkan kesan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia.

"Tindakan apa yang patut dilakukan untuk memajukan pengajaran Bahasa Malaysia dalam satu masyarakat yang mempunyai berbagai dialek Melayu?" tanya beliau.

Persolaan itu timbul kerana kemerosotan pelajar-pelajar Bumiputera dalam peperiksaan kertas Bahasa Malaysia.

Umpamanya, dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 1975, lapan peratus calon lulus dengan taraf terbaik dan 53 peratus dengan taraf kepujian, katanya.